

Pertemuan pertama majlis syura tak tahu...
Malaysiakini.com
Aug 17, 2008

Pertemuan pertama pemimpin PAS dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Jalan Bellamy di ibunegara, tidak sempat dimaklumkan kepada majlis syura ulama, kata Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa.

Katanya, ini kerana ada mesyuarat di Jalan Raja Laut pada sekitar tengahari dan pertemuan itu pula diadakan pada jam 5 petang.

"Jadi tidak sempatlah (memberitahu majlis syura ulama) . Hanyaparliament 2008 first day 280408 nasharuddin pertemuan yang kedua dan ketiga baru diberitahu kepada mereka," katanya ketika ditemui selepas muktamar ke 54 PAS di Stadium Indera Mulia, Ipoh hari ini.

Selain Nasharuddin, dua lagi wakil PAS dalam pertemuan tersebut ialah Pesuruhjaya PAS Terengganu, Datuk Mustafa Ali dan Ahli Jawatankuasa (AJK) PAS pusat, Abdul Khalid Samad.

Beliau mengesahkan merdana menteri membuat tawaran untuk membentuk kerajaan campuran di Perak dan Selangor.

"Hari pertama (kami berjumpa dengan perdana menteri), sudahpun ada tawaran tersebut, bagaimanapun kami menolaknya," katanya.

"Beliau juga menawarkan jawatan menteri besar di Perak, kita tolak," tambahnya.

Menurut Nasharuddin, pada hari menteri besar Selangor dilantik, beliau telah dipanggil ke istana untuk mengesahkan perlantikan tersebut.

"Pada hakikatnya, kita membawa surat daripada presiden (Datuk Seri Abdul Hadi Awang) yang kita sudah bersetuju untuk melantik Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai menteri besar," katanya lagi.

Nasharuddin berkata, dalam pertemuan ketiga beliau dengan perdana menteri di bangunan Parlimen, tiada perbincangan yang dibuat.

"Saya cuma dipanggil oleh pegawai beliau semasa saya sedang berehat di lobi Parlimen. Saya pun pergilah," katanya.